

KERAJAAN GALAK BUKA INDUSTRI KAMPUNG-DR.M

27 NOV 1982

KUALA LUMPUR, 26 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan sekarang sedang menggalakkan pembukaan industri-industri kampung yang lebih tersusun untuk meningkatkan pendapatan masyarakat kampung melalui masa lapang mereka secara produktif.

Perdana Menteri berkata usaha-usaha ini akan diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta lain-lain agensi dan Perbadanan Pembangunan Wilayah.

Berucap di upacara pembukaan pameran 'Wicitra' 1982 di Muzium Negara di sini petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan industri-industri kampung yang juga meliputi perusahaan kraftangan antara lain akan juga meningkatkan kefahaman masyarakat desa mengenai selok-belok perniagaan dan peranan wang dalam pembangunan.

Katanya, industri kampung juga dapat mengurangkan penghijrahan pemuda-pemudi dari desa ke bandar.

Perdana Menteri mengingatkan sekiranya usaha-usaha tidak disusun dari masa ke semasa, negara ini akan kekurangan tenaga pekerja untuk mengusahakan bendang dan ladang di kampung-kampung.

"Gejala ini juga akan menyebabkan bilangan penduduk di bandar bertambah dengan cepat sehingga tertumbuh kawasan-kawasan setinggan yang sesak, kotor dan mencemar kehormatan", tambah beliau.

Untuk mencapai objektif tersebut, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata industri kraftangan perlulah disusun supaya sesuai dengan kehendak dan cara pemasaran moden.

Dalam hubungan ini, beliau mengumumkan bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan menubuhkan satu 'agensi pemasaran-pusat' di Kuala Lumpur yang bertanggungjawab membuat kajian pasaran, kajian permintaan, kehendak pelanggan dan pembeli serta galakan perusahaan.

Menurutnya, agensi ini akan terlibat dengan rekabentuk hasil buatan, pembelian hasil buatan yang mematuhi pencapaian mutu tertentu, mempamer dan memasarkannya di pasaran tempatan dan luar negeri.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata perkara ini penting kerana dalam zaman sekarang perniagaan secara sambilan sudah tidak lagi boleh dimajukan.

"Sekarang ini pasaran memerlukan barang yang bentuknya mengikut selera pembeli, dalam kuantiti yang banyak dan disediakan untuk dipasarkan mengikut jadual.

"Pekan yang berdekatan bukan lagi pasaran utama. Dunia adalah pasaran yang sebenar.

"Keuntungan dalam perdagangan moden tidak bergantung kepada perbezaan yang besar antara modal dengan harga jualan tetapi kepada "volume" atau besarnya perniagaan dalam sesuatu barang atau bidang", tambah beliau.

Perdana Menteri bagaimanapun menjelaskan bahawa kerajaan tidak bertujuan melalui agensi-agensinya untuk dengan sendirinya membangunkan industri-industri kampung dengan orang-orang kampung sebagai pekerja biasa sahaja.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, tujuan sebenarnya ialah supaya orang-orang kampung sendiri memiliki dan mengendalikan perusahaan mereka sama ada sebagai orang perseorangan, perkongsian atau sebagai syarikat dan koperasi.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata kerajaan akan hanya melibatkan diri secara tidak langsung seperti mengenalpasti perusahaan yang sesuai, mengenalpasti sumber-sumber, mengkaji tempat dan kemampuannya, menyediakan jurulatih di mana perlu, melatih kemahiran pengurusan, menyediakan sumber pinjaman bila pinjaman swasta tidak diperolehi dan mungkin juga, membebankan bantuan awal pengurusan.